

FLEXIJOINT TABLET/ CAPSULE

Glucosamine Sulphate (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Flexijoint Tablet/ Capsule
2. Bagaimana Flexijoint Tablet/ Capsule berfungsi
3. Sebelum mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule
4. Cara mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule
5. Semasa mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Flexijoint Tablet/ Capsule
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Flexijoint Tablet/ Capsule

Flexijoint Tablet/ Capsule digunakan sebagai terapi tambahan untuk penyakit sendi merosot.

Bagaimana Flexijoint Tablet/ Capsule berfungsi

Flexijoint Tablet/ Capsule mengandungi Glukosamin yang membentuk tisu rawan dalam badan dan memberi aktiviti perinciran dengan meningkatkan pengeluaran bendalir sendi.

Sebelum mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Glukosamin, atau mana-mana bahan-bahan lain dalam produk ini. Produk ini tidak sesuai untuk mereka yang alergi kepada kerang-kerangan.

- *Sebelum mula mengambil*

Produk ini patut diambil di bawah penyeliaan perubatan bagi wanita yang mengandung dan menyusukan. Administrasi bagi trimester pertama kehamilan perlu dielakkan.

- *Jika mengambil ubat- ubatan lain*

Glukosamin mungkin mengurangkan keberkesanan agen antidiabetik seperti: Acarbose, Acetohexamide, Chlorpropamide, Glipizide, Glyburide, Metformin, Miglitol, Pioglitazone, Repaglinide, Rosiglitazone, Glimepiride, Tolbutamide dan Troglitazone. Glukosamin mungkin juga mengurangkan keberkesanan agen antikanser seperti Doxorubicin, Etoposide dan Teniposide. Glukosamin meningkatkan kesan Warfarin sekiranya diambil seiringan.

Cara mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule

- *Berapa banyak harus digunakan*

Permulaan: Ambil 2 tablet 3 kali sehari sebelum makan.

Terapi ini harus dikekalkan sekurang-kurangnya 3 bulan (atau ikut arahan profesional kesihatan) untuk mendapat kesan yang nyata.

Pengekalan: Ambil 2 tablet 2 kali sehari sebelum makan.

Selepas terapi selama 3 bulan, dos boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keadaan peribadi.

- *Bila perlu diambil*

Boleh diambil sebelum makan.

- *Berapa lama perlu diambil*

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

- *Jika terlupa mengambil*

Jika anda terlupa Flexijoint Tablet/ Capsule, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Tiada maklumat yang terlebih dos dilaporkan.

Semasa mengambil Flexijoint Tablet/ Capsule

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Untuk rawatan yang mendasari osteoarthritis, adalah dinasihati supaya mengambil ubat penahan sakit dan anti inflamasi bersama tempoh rawatan selama 2 atau 3 minggu sekiranya diperlukan sebab kesan terapi hanya boleh diperhatikan selepas 2 hingga 3 minggu.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Keselamatan dan keberkesanan belum ditentukan untuk kanak-kanak. Oleh itu, elakkannya daripada kanak-kanak.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Individu dengan gangguan fungsi hati dan buah pinggang perlu diperhatikan di bawah pengawasan perubatan semasa mengambil produk ini.

Kesan Sampingan

Kardiavaskular: Periferal edema dan tachycardia telah dilaporkan.

Sistem Saraf Pusat: Mengantuk, sakit kepala, insomnia jarang sekali diperhatikan.

Gastrosus: Mual, muntah, cirit-birit, dispepsia, sakit gastrik, sembelit, pedih hulu hati dan anoreksia juga dinyatakan semasa terapi oral dengan Glukosamin.

Kulit: Reaksi kulit seperti eritema dan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Flexijoint Tablet/ Capsule

- *Penyimpanan*

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- *Pelupusan*

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat Lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Flexijoint Tablet ialah tablet berwarna putih, bulat tidak bersalut dengan skor di sebelah. Flexijoint Capsule ialah kapsul putih merah yang mengandungi serbuk putih halus.

- *Bahan-bahan*

Bahan-bahan aktif
Active ingredient
Flexijoint Tablet contains Glucosamine Sulphate 250mg.
Flexijoint Capsule contains Glucosamine Sulphate 500mg.

- *Bahan-bahan tidak aktif*

Flexijoint Tablet
Vinyl Pyrrolidone (Plasdone S630), Synthetic Precipitated Silica (Flo-Gard), Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Microcrystalline cellulose (Avicel PH 101).
Flexijoint Capsule
Magnesium Stearate, Sorbitol Powder.

- *Nombor MAL:*

Flexijoint 250mg Tablet: MAL07091081X
Flexijoint 500mg Capsule: MAL07091075X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP 2/10/ 2017

Nombor siri:
NPR(R4/1)290917/00259